

BERITA HARIAN, KHAMIS, 11 MEI, 1978

Mahathir: PM telah arah siap 6 bulan lalu

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Datuk Hussein Onn telah mengarahkan para pemimpin parti yang mendukung Kerajaan supaya bersiap sedia sejak lima atau enam bulan lalu bagi menghadapi pilihanraya.

Bellau menyatakan ini mengenai spekulasi pilihanraya umum akan datang.

Menjawab pertanyaan para pemberita dalam satu pertemuan petang ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata secara bergurau pilihanraya mungkin diadakan sebelum atau selepas perhimpunan agung UMNO Jun depan.

Kemudian dalam nada yang agak tegas, bellau berkata: "Apa yang boleh saya katakan, Datuk Hussein sudah pun mengarahkan kami bersiap sedia sejak lima atau enam bulan lalu.

"Kebelakangan ini para Menteri Kabinet telah menjelajah ke merata negara untuk menghidupkan semangat persembaan rakyat," tambahnya.

Bellau berkata, soal pilihanraya akan diadakan terserah kepada Datuk Hussein untuk membuat keputusan.

Mahu lewat

Mengenai cadangan Pemuda UMNO Malaysia supaya pilihanraya diadakan dalam bulan Jun sebelum perhimpunan agung UMNO, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Ada pihak yang mahu pilihanraya diadakan awal dan tengahnya mahukan lewat sedikit atas alasan masing-masing."

Difahamkan, antara sebab Pemuda UMNO mahu pilihanraya diadakan sebelum perhimpunan agung UMNO ialah untuk mengelakkan banyak politiking dalam pemilihan pucuk pimpinan parti dalam perhimpunan itu.

Mengenai Berjasa, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, buat masa ini ia masih belum menjadi anggota Barisan Nasional dan dengan itu terserah padanya menentukan kawasan ia akan bertanding dalam pilihanraya nanti.